



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.9/2023
PADA 27 SEPTEMBER 2023 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Haji Asna bin Mohd Amin, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Pada 16 September 2023 yang lalu, kita telah menyambut Hari Malaysia bertemakan “Tekad Perpaduan Penuhi Harapan”. Tema ini adalah sama dengan sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2023 yang lalu yang bermaksud mendasari tekad dan komitmen pemimpin bersama rakyat sebagai sebuah negara bangsa yang memiliki semangat perpaduan yang tinggi, bersatu padu serta kehidupan yang aman sejahtera. Tema ini juga disokong dengan konsep Malaysia Madani sebagai kunci utama bagi memastikan rakyat mengecapi segala bentuk kemajuan dan kemodenan yang berteraskan kemampunan budaya bangsa, berdaya cipta, keyakinan, kesejahteraan, hormat menghormati dan ihsan.
5. Sambutan Hari Malaysia pada 16 September setiap tahun adalah untuk mengingatkan kita bahawa pembentukan Malaysia tidak datang bergolek dalam sekelip mata. Sebaliknya ia adalah hasil perjuangan rakyat dan pemimpin terdahulu yang mahu melihat lahirnya sebuah negara Malaysia yang merdeka dan bersatu padu. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia

yang setia dan cintakan tanah air untuk terus mempertahankan keamanan, keharmonian dan kemajuan yang kita kecapi selama ini.

6. Sempena sambutan Hari Malaysia yang lalu, saya menyeru warga bandar raya Seremban agar menghayati dengan mendalam makna Hari Malaysia. Ini adalah hari untuk kita membulatkan tekad, memperkuuhkan azam dan membugarkan semangat perpaduan seluruh rakyat dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang bersatu hati sebagai sebuah bangsa yang berjaya dan dihormati. Sama-sama kita berdoa semoga negara kita yang bertuah ini sentiasa dilimpahi rahmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

KONSERT XPRESI MALAYSIA 2023 SEMPENA HARI MALAYSIA

7. Pada 16 September 2023, Majlis Bandaraya Seremban dengan kerjasama Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Sembilan (RTM) telah mengadakan Konsert Xpresi Malaysia 2023 Sempena Hari Malaysia di Padang MBS Jalan Yam Tuan. Sambutan kali ini telah menampilkan penyanyi terkemuka tanah air seperti Akim Ahmad, Stacy, Waris, Baggio dan Yamani Abdillah telah menghiburkan ribuan pengunjung pada malam tersebut dan pertunjukan bunga api.

8. Turut hadir pada malam tersebut ialah YB Exco Kerajaan Negeri Sembilan, YB ADUN dan Puan Suhana bt Suratman Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Sembilan (RTM). Saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan terima kasih kepada warga Bandar Raya Seremban yang telah hadir bagi memeriahkan lagi suasana sambutan Hari Malaysia pada malam tersebut dan program ini akan dijadikan sebagai acara tahunan MBS memandangkan MBS tiada menganjurkan program pada 31 Ogos 2023 kerana padang MBS digunakan untuk sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

ANUGERAH KECEMERLANGAN MEDIA KPKT 2023

9. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama daripada Malaysian *Press Institute* telah menganjurkan Anugerah Kecemerlangan Media KP KT 2023 sebagai usaha mengiktiraf pengamal-pengamal media negara. Pada 16 Ogos 2023, Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming Menteri KP KT telah menyempurnakan Majlis Pra-Pelancaran Anugerah Kecemerlangan Menteri KP KT 2023 dan Anugerah Kecemerlangan Media KP KT 2023 bertempat di lobi KP KT di mana Tuan Mas Midyawan bin Yahya Setiuasaha MBS telah mewakili saya untuk hadir bagi majlis tersebut.

9. Terdapat sepuluh kategori dipertandingkan yang sesuai bagi pengamal media daripada bidang media cetak dan portal media, media penyiaran televisyen dan video dalam talian, media penyiaran radio, pembangunan web dan multimedia serta fotografi.
11. Pengamal media perlu menghantar karya-karya yang berkait isu :-
 - i. perumahan ;
 - ii. kemakmuran komuniti bandar ;
 - iii. Pihak Berkuasa Tempatan ;
 - iv. wira merah ;
 - v. kemampunan bandar ;
 - vi. persekitaran hijau ;
 - vii. pengurusan sisa pepejal ;
 - viii. kredit komuniti ;
 - vix. Peranan ;
 - x. polisi kementerian ; dan
 - xi. agensi-agensi di bawah KPKT
12. Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Negeri Sembilan telah menghantar penyertaan di atas liputan mengenai Pemasangan Solar Rendah Karbon di seluruh kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban dengan kerjasama *Cypark Resources Berhad* dan *GSPARX Sdn Bhd*.

13. Anugerah ini merupakan tanda penghargaan pihak KPKT kepada golongan wartawan yang penyampaian maklumat sahih, berkualiti dalam menyampaikan dasar-dasar kerajaan. Ini kerana hasil karya berkualiti berupaya menghasilkan impak yang besar kepada pembangunan negara dalam membina ekonomi, perpaduan, keharmonian dan kestabilan politik negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

14. Sehingga 24 September 2023, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-
- (a) Cukai Taksiran
Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM122.15Juta)
Prestasi = RM114.42Juta (79.62%)
- (b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM25.12Juta)
Prestasi = RM15Juta (17.91%)
- (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10Juta)
Prestasi = RM124.10Juta (87.33%)
- (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50Juta)
Prestasi = RM182.65Juta (88.88%)

(e) Belanja Mengurus (RM213.24Juta)

Prestasi = RM146.81Juta (68.85%)

(f) Belanja Pembangunan (RM15.74Juta)

Prestasi = RM3.42Juta (21.72%)

Sumber : Jabatan Kewangan

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

15. Bermula 1 Januari 2023 sehingga 6 September 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
 - i. *fogging* 62,155 premis ;
 - ii. ULV 64,539 premis ;
 - iii. *larvaciding* 62 lokaliti ;
 - iv. *source reduction* 67 lokaliti ;
 - v. gotong-royong ke atas 90 taman ;
 - vi. 257 sanitasi dan disinfeksi
16. Sehingga 6 September 2023, Tanah Perkuburan Kristian Sendayan telah merekodkan sebanyak 24 kematian akibat COVID-19 dan 215 kematian biasa.

17. Manakala sehingga 6 September 2023, Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 544 kematian akibat COVID-19 dan 400 kematian biasa telah direkodkan sehingga 6 September 2023. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah mencatatkan sebanyak 785 kematian biasa telah direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka pada 15 April 2022, masih TIADA jenazah dikebumikan di tanah perkuburan tersebut.
18. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima aduan berkenaan warga asing berniaga sayur-sayuran, buah-buahan di kaki lima premis perniagaan di Jalan Dato' Bandar Tunggal, Seremban. Untuk makluman, syarat permohonan bagi lesen tred perniagaan di kawasan Majlis Bandaraya Seremban :-
 - i. Mestilah warganegara Malaysia ;
 - ii. Syarikat yang mempunyai Ekuiti Asing, hendaklah melantik wakil syarikat warganegara Malaysia (berdasarkan syarat KPDNHEP) ;
 - iii. Perniagaan yang dibantu oleh pasangan bukan warganegara individu tersebut mendapat kelulusan bertulis daripada Jabatan Imigresen Malaysia ;
 - iv. Tred perniagaan termasuk restoran dan kedai makan tidak dibenarkan untuk bekerja sebagai juruwang atau jurujual ;
 - v. Lesen gerai dan penjaja, pemilik tidak boleh menggajikan pekerja asing.

19. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas premis tersebut dan mendapati perniagaan diuruskan oleh warganegara Malaysia. Tindakan penguatkuasaan telah diambil bagi kesalahan menjalankan perniagaan di atas kaki lima.
20. Pada 9 September 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Operasi Bersepadu Inter Agensi Anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia bersama Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Sembilan (KPDN), Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sembilan (JIM), Polis DiRaja Malaysia Negeri Sembilan (PDRM) dan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan (JPN) di Jalan Dato' Sheikh Ahmad, Seremban.
21. Sebanyak 20 premis telah dibuat pemeriksaan dan tindakan yang dikenakan adalah :-
 - i. Sebanyak 6 notis kompaun oleh SSM dengan nilai keseluruhan RM8,400.00 ;
 - ii. Seorang warga asing ditangkap atas kesalahan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 ;
 - iii. Rampasan kad pengenalan yang tidak sama versi oleh JPN ;
 - iv. Sebanyak 5 notis kompaun oleh MBS di atas kesalahan beroperasi tanpa lesen dan melanggar syarat lesen (tiada pemilik / pekerja warga tempatan di dalam premis)

Sumber : Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutuan

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**HARI TERBUKA PROGRAM PEMUTIHAN PENGINAPAN
PEKERJA SEHINGGA 31 DISEMBER 2024 DI KAWASAN
KEDIAMAN**

22. Pada 7 September 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Hari Terbuka Program Pemutihan Penginapan Pekerja sehingga 31 Disember 2024 di Kawasan Kediaman di mana sebanyak 51 permohonan pemutihan yang telah diterima daripada Majikan dan Penyelia Penginapan yang melibatkan pekerja di dalam kawasan kediaman di sekitar kawasan MBS.
23. Program pemutihan ini diadakan bertujuan bagi memberi tempoh masa kepada majikan dan penyedia penginapan menempatkan para pekerja buat sementara waktu di premis kediaman yang diduduki di samping para majikan dan penyedia penginapan mencari dan berpindah ke lokasi penempatan penginapan yang baharu selain dari kawasan kediaman.
24. Inisiatif ini dilaksanakan lanjutan daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Sembilan yang telah bersidang pada 21 Jun 2023 yang telah mengambil keputusan bersetuju dengan cadangan bagi permohonan penginapan pekerja / asrama pekerja di kawasan perumahan sedia ada adalah tidak dibenarkan melalui surat “Pemakluman Pelanjutan Pemakaian Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka

Pendek (2021 hingga 2023) Negeri Sembilan sehingga 2025” daripada PlanMalaysia Negeri Sembilan bertarikh 10 Julai 2023.

Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

NOTIS KENYATAAN PINDAAN SENARAI NILAIAN

25. Pada masa ini, Jabatan Penilaian dan Pengurusan harta Majlis Bandaraya Seremban sedang melaksanakan kerja-kerja nilai Cukai Taksiran untuk dikuatkuasakan pada 1 Januari 2024. Pihak Jabatan bertanggungjawab untuk mengeluarkan Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian kepada pemilik harta yang terlibat dengan perubahan Cukai Taksiran. Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian adalah notis pemakluman kepada pemilik harta dalam kawasan majlis tentang harta yang dicukai, amaun Cukai Taksiran, kadar taksiran yang dikenakan dan tarikh Cukai Taksiran dikuatkuasakan.

26. Cetakan notis ini dibahagikan kepada 2 fasa di mana fasa pertama sebanyak 9,613 notis telah dicetak pada 1 September dan dijangka selesai serahan serta pengeposan pada 15 September 2023. Fasa pertama ini melibatkan pindaan Cukai Taksiran ke atas tanah kosong, bangunan yang terlibat dengan tambahan atau ubahsuai bangunan yang berlakunya perubahan keluasan lantai dan pembetulan nilai.

27. Manakala untuk fasa kedua, notis akan dicetak pada 24 Oktober 2023 melibatkan harta-harta yang telah dikeluarkan CCC, nilai tanah kosong, tukar syarat harta, pecah sempadan, pencantuman lot dan lain-lain yang melibatkan berlakunya perubahan nilai pada sesuatu harta atau wujudnya harta-harta baharu.
28. Pemilik harta yang terlibat diberikan masa 30 hari dari tarikh notis untuk mengemukakan bantahan / rayuan kepada pihak Majlis. Semua bantahan akan didengari dalam Mesyuarat Lembaga Bantahan / Rayuan Cukai Taksiran yang dijadualkan pada 12 Disember 2023. Semua pemilik harta yang membuat bantahan / rayuan akan diberikan surat maklumbalas keputusan mesyuarat 2 minggu selepas mesyuarat diadakan.

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

BENGKEL TRANSFORMASI KELULUSAN PELAN PEMAJUAN SIRI 1/2023

29. Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan usahasama Majlis Bandaraya Seremban telah menganjurkan Bengkel Transformasi Kelulusan Pelan Pemajuan Siri 1/2023 pada 12 hingga 13 September 2023 di Klana Resort Seremban yang bertujuan membuat penambahbaikan dan memperkuuh kecekapan proses dan prosedur kelulusan pelan pemajuan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan

(PBT) dengan penglibatan seramai 135 orang peserta yang terdiri daripada Jabatan Memperaku di PBT (Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kawalan Bangunan), Unit OSC dan Agensi Teknikal Luaran.

30. Bengkel ini turut dihadiri oleh YBrs. Ar. Zuhairi bin Manaf, Timbalan Ketua Pengarah (Perundingan dan Perundangan), Jabatan Kerajaan Tempatan dan YBrs. Ar. Mohamad Nazli bin ramli, Pengarah Bahagian Perunding Kawalan Pemajuan, Jabatan Kerajaan Tempatan.
31. Sepuluh PBT telah terpilih sebagai PBT rintis termasuk Majlis Bandaraya Seremban di mana pemilihan ini adalah berdasarkan input dari MIDA berkaitan dengan bilangan Lesen Pengilang (*Manufacturing Licence*) yang dikeluarkan di kawasan PBT dalam memastikan pelaksanaan inisiatif ini terutama yang berkaitan dengan inisiatif *Industrial Green Lane* boleh dilaksanakan bagi memproses permohonan perindustrian.
32. Terdapat tiga inisiatif baharu yang diperkenalkan dalam penambahbaikan OSC 3.0 *Plus* iaitu :-

i. Industrial Green Lane (IGL)

Proses pemajuan di dalam zon perindustrian dapat dilaksanakan secara pantas dan tangkas bermula dari peringkat perancangan sehingga bangunan siap dan beroperasi ;

ii. Prerequisite

Proses pemajuan bagi semua jenis permohonan dapat dilaksanakan secara pantas dan tangkas dengan prasyarat sebelum dikemukakan kepada Unit OSC ;

iii. Self Regulation

Proses Pemajuan bagi projek berskala kecil / KM Kecil dan Kerja Ubah Suai agar dapat dilaksanakan secara pantas dan tangkas yang bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada agensi teknikal dan memberi lebih ruang dan tanggungjawab pemohon untuk memastikan pematuhan keperluan teknikal secara kendiri.

33. Dalam urusan cadangan pemajuan, tanggungjawab untuk meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan bukan hanya terletak di bahu Pihak Berkuasa Tempatan sahaja, tetapi turut melibatkan semua agensi teknikal serta pemain industri. Oleh itu, semua pihak perlulah komited dalam melaksanakan peranan masing-masing bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah cekap dan efisien.

Sumber : Unit OSC

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

KURSUS COACHING AND MENTORING (LEADERSHIP DEVELOPMENT PROGRAMME)

34. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Kursus *Coaching and Mentoring (Leadership Development Programme)* pada 28 hingga 29 Ogos 2023 di Amverton Heritage Hotel Melaka. Seramai 10 orang peserta terdiri daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional pelbagai jabatan telah dipilih untuk hadir bagi mempelajari serta memahami resolusi konflik, pengurusan risiko, coaching berkesan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Selain itu, objektif kursus ini diadakan adalah untuk melahirkan pemimpin yang mahir dalam menghasilkan mentor yang berilmu dalam menghadapi industri yang kian mencabar. Kursus ini juga adalah untuk memenuhi Acuan Program Keseluruhan berdasarkan 4 Teras Utama iaitu Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kreativiti, Komunikasi dan Proaktif.

KURSUS FUTURES THINKING AND SCENARIO PLANNING (INTERMEDIATE) SIRI 2/2023

35. Pada 22 Ogos 2023 hingga 24 Ogos 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Kursus *Futures Thinking and Scenario Planning Workshop (Intermediate)* Siri 2/2023 di INTAN Bukit Kuara, Kuala Lumpur. MBS telah menghantar 6 orang peserta terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional pelbagai jabatan telah mempelajari cara menggunakan Konsep Roda Harapan (*Futures Wheel Concept*) dan Konsep Segitiga Masa Depan (*Futures Triangle Concept*) dalam FTSP.

KURSUS PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

36. Pada 6 hingga 7 September 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Kursus Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) Majlis Bandaraya Seremban di Hotel Royale Chulan, Seremban. Kursus ini telah dihadiri oleh 20 orang peserta terdiri daripada Ketua Jabatan dan Ketua Unit. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai dasar, prosedur dan arahan yang berkaitan keselamatan perlindungan serta memberi kompetensi dan melaksanakan sistem kawalan keselamatan perlindungan di Jabatan dan Unit MBS.

BENGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL (KF) MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

37. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail (KF) pada 20 Ogos 2023 hingga 22 Ogos 2023 di Avillion Admiral Cove, Port Dickson. Seramai 55 orang peserta terdiri daripada warga kerja Majlis Bandaraya Seremban telah dipilih bagi mengenal pasti konsep dan perundangan pengurusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai klasifikasi fail dan langkah-langkah menyediakan klasifikasi fail yang betul berdasarkan Panduan Pembangunan Klasifikasi Fail di Pejabat. Selain itu, kursus ini juga merupakan salah satu pra syarat dalam pelaksanaan penggunaan aplikasi pengurusan rekod elektronik dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penambahbaikan dan sistem pengurusan fail yang lebih cekap serta teratur.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PROGRAM INDONESIA MALAYSIA THAILAND – GROWTH TRIANGLE & 6TH IMT-GT GREEN CITIES MAYOR COUNCIL MEETING (GCMC)

38. Pada 8 hingga 9 Ogos 2023, saya dan TPr. Haji Nazri bin A.Ghani, Pengarah Perancangan Pembangunan Majlis Bandaraya Seremban telah menghadiri pertemuan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-

Malaysia-Thailand (IMT-GT) yang diadakan di Ipoh, Perak. Tujuan Program IMT-GT ini adalah khusus bagi membincangkan jaringan kerjasama ketiga-tiga negara dalam menjayakan Pelan Tindakan Inisiatif Hijau. Selain itu, dua mesyuarat penting melibatkan Majlis Dato' Bandar Bagi Bandar Hijau (GCMC) Ke-6 dan Mesyuarat Majlis Hijau (GCM) Ke-6 turut diadakan.

39. Program tersebut membincangkan laporan, cadangan dan input GCMC dan GCM berkaitan komitmen ketiga-tiga negara dalam mengarusperdanakan pembangunan bandar mampan di seluruh bandar yang diwakili oleh peserta.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

SMART GREEN ASEAN CITIES (SGAC) PROGRAM – 2ND CITY WINDOWS SERIES

40. Pada 12 hingga 14 September 2023, Tuan Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban dan TPr. Haji Nazri bin A.Ghani, Pengarah Perancangan Pembangunan Majlis Bandaraya Seremban telah menghadiri Program SGAC buat kali ke-2 bagi *City Windows Series* di Banyumas, Indonesia bersama wakil daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta wakil daripada Bandar Kuantan dan Ipoh. Untuk makluman juga bahawa segala perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak SGAC.

41. Tujuan program kali ini diadakan adalah bagi mempertingkatkan kapasiti bandar melalui inisiatif pintar dan hijau dengan menggabungkan idea *high level*, bengkel kewangan, lawatan tapak pengurusan sisa serta perkongsian pengalaman daripada bandar-bandar Asian dan Eropah. Majlis Bandaraya Seremban juga turut mengadakan perbentangan bagi berkongsi mengenai *Landfill To Solar Park* bagi inisiatif pengurusan sisa yang mampan. Majlis Bandaraya Seremban telah mengemukakan permohonan *Smart Green Asean Cities (SGAC) Grant* bagi suku tahun ke-4 dan pihak UNCDF pula dalam proses penyediaan TOR *Feasibility Study IOCC*. Saya menjangkakan awal tahun 2024 Majlis Bandaraya Seremban akan memperoleh peruntukan tersebut.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN UNIT INTEGRITI

42. Keberhutangan kewangan yang serius menjadi satu isu besar dalam kalangan masyarakat terutamanya penjawat awam. Merujuk kepada Peraturan 13(1), Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Majlis Bandaraya Seremban (Kelakuan Dan Tatatertib) 1998, ungkapan “keberhutangan kewangan yang serius” bermaksud keadaan keberhutangan seseorang pegawai yang setelah diambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya telah menyebabkan kesusahan kewangan yang serius terhadap dirinya.

43. Pegawai yang disifatkan berada dalam kategori keberhutangan serius adalah seperti dipaparan namun pegawai perlu mengambil perhatian bahawa keberhutangan kewangan yang serius tidak terhad kepada perkara tersebut malah termasuk apa juga keadaan lain yang menyebabkan kesusahan kewangan yang serius.
44. Jika seseorang pegawai mendapati dirinya berada dalam kategori keberhutangan kewangan yang serius, dia hendaklah serta merta melaporkan situasinya kepada Ketua Jabatan / Unit. Seseorang pegawai yang tidak melaporkan atau melengahkan laporan keberhutangan kewangan yang serius atau tidak melaporkan maklumat sepenuhnya atau memberi keterangan yang palsu tentang situasinya adalah suatu pelanggaran tatatertib yang besar dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.
45. Walaubagaimanapun, jika keberhutangan kewangan yang serius berlaku disebabkan oleh malang yang tidak dapat dielakkan, pihak Majlis boleh memberi pegawai itu bantuan yang sewajarnya mengikut situasinya. Ketua Jabatan / Unit dikehendaki membuat pemeriksaan berkala bagi mengelakkan pegawai mengalami isu keberhutangan kewangan yang serius.

Sumber : Unit Integriti

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN UNIT AUDIT

46. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada warga bandar raya Seremban berkualiti berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan. Antara program audit yang telah dijalankan di bawah Unit Audit Dalam bersama agensi luar adalah :-
- i. Pada 17 April 2023 sehingga 2 Jun 2023, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Pengurusan Program Bandar Selamat ;
 - ii. Pada 17 Julai 2023 pula, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menjalankan audit Pematuhan Garis Panduan Pasar Sejahtera ; dan
 - iii. Pada 17 ogos 2023 sehingga 25 September 2023, Unit Audit Dalam daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah menjalankan Pengauditan Prestasi Pengurusan Kenderaan Majlis Bandaraya Seremban.
47. Untuk pengetahuan para hadirin juga, pada bulan Disember 2023 Majlis Bandaraya Seremban akan menerima kunjungan daripada SIRIM QAS bagi tujuan pengauditan pematuhan MS ISO 9001:2015. Saya berharap seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban memberi sepenuhnya kerjasama bagi menjayakan audit yang akan dijalankan.

Sumber : Unit Audit Dalam

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN**

**CERAMAH PERDANA ANJURAN MAJLIS BANDARAYA
SEREMBAN BERSAMA BANK ISLAM (M) SDN BHD DAN BADAN
KEBAJIKAN ISLAM (BAKI) MBS**

48. Pada 28 Ogos 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Ceramah Perdana Anjuran Majlis Bandaraya Seremban Bersama Bank Islam (M) Sdn Bhd dan Badan Kebajikan Islam (BAKI) MBS di Masjid Kariah Taman Bandar Senawang, Seremban. YBhg. Dato' Ustaz Haji Badli Shah telah diundang sebagai penceramah untuk menyampaikan ceramah dengan tajuk "Apa Makna Redha Dalam Kehidupan".

**MAJLIS PERASMIAN LUNA LIGHT WONDERLAND 2023
MALAYSIA TOUR SEREMBAN**

49. Pada 29 Ogos 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Majlis Perasmian *Luna Light Wonderland 2023 Malaysia Tour* Seremban. YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus telah meluangkan masa bagi menyempurnakan majlis tersebut di Taman Malaysia. Program *Luna Light Wonderland 2023 Malaysia Tour* Seremban telah berlangsung dari 25 Ogos hingga 24 September 2023 bermula jam 7.00 malam

hingga 12.00 tengah malam telah mendapat pangiktirafan *The World Book Of Record – The Largest Lighting Event In A Park*. Kadar harga bagi tiket yang dikenakan adalah RM15.00 bagi dewasa dan RM8.00 untuk kanak-kanak.

50. Hampir 1 juta lampu telah menghiasi Taman Malaysia, Seremban bagi program *Luna Light Wonderland 2023 Malaysia Tour Seremban* dan program ini akan dijadikan sebagai acara tahunan MBS.

PROGRAM SUMBANGAN KERUSI RODA DI KAWASAN KAMPUNG MANTIN DALAM

51. Pada 13 September 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah menyampaikan sumbangan kepada Puan Noriah bt Mat Isa dan En. Syaiful Azrin bin Shamsudin iaitu penerima kerusi roda di kawasan Kampung Mantin Dalam. Program ini merupakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MBS bersama komuniti dalam menyantuni masyarakat tidak kira latar belakang. Selaras dengan Dasar Komuniti Negara melalui kluster ke lima dan juga *Sustainable Development Goals (SDGs)* yang ke-11 menggariskan satu panduan terhadap keprihatinan dan akses yang inklusif kepada wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya tidak dipinggirkan daripada arus pemodenan dan urbanisasi.

PERTANDINGAN GUSTI LENGAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

52. Pada 17 September 2023, bertempat di Mydin Senawang telah berlangsung Pertandingan Gusti Lengan Majlis Bandaraya Seremban. Pertandingan ini telah mendapat penyertaan sebanyak 91 terdiri daripada individu dan persatuan daripada dalam dan luar negara seperti dipaparkan.

Pertandingan ini terbahagi kepada 4 kategori :-

BIL	KATEGORI	JANTINA
1.	Terbuka	Perempuan
2.	70kg ke bawah	Lelaki
3.	70kg hingga 86kg	Lelaki
4.	86kg ke atas	Lelaki

Johan setiap kategori bagi pertandingan ini adalah :-

BIL	KATEGORI	NAMA	HADIAH
1.	Perempuan Terbuka	Nur Aika Farina bt Harun	RM500.00 + Medal
2.	Lelaki 70kg ke bawah	Iryan Syauqi bin Azhar	RM1,000.00 + Medal
3.	Lelaki 70kg hingga 86kg	Muhammad Amer Ho	RM1,000.00 + Medal
4.	Lelaki 86kg ke atas	Chia Jun Kit	RM1,000.00 + Medal

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENUTUP

53. Sistem penyampaian di Majlis Bandaraya Seremban perlu sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memudahkan urusan pelanggan dan menangani karenah birokrasi. Namun demikian, sikap berintegriti perlu ditanam dalam jiwa dan meningkatkan tatakelola demi mengoptimumkan sumber yang ada untuk manfaat warga bandar raya Seremban selari dengan slogan Mampan.Bersih.Sejahtera.
54. Akhir kata, saya berharap warga kerja Majlis Bandaraya Seremban akan sentiasa terus menumpukan usaha dalam menambahbaik dan memajukan Bandaraya Seremban untuk membawa manfaat kepada warga bandaraya. Gerak kerja yang dilaksanakan oleh setiap warga MBS sememangnya menyumbang kepada kejayaan MBS dari pelbagai aspek lebih-lebih lagi kepada kesejahteraan warga bandar raya Seremban.
55. Sebelum saya mengakhiri ucapan pagi ini, saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' MK Ibrahim bin Abd Rahman yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15.

Sekian, terima kasih.

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
27 SEPTEMBER 2023